


Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan

Yosua Mengambil Tanggungjawab



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Janie Forest
Alastair Paterson

Disadur oleh: Ruth Klassen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2024 Bible for Children, Inc.
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

1


Musa telah mati. Yosua tahu bahwa sekarang Tuhan telah memilih dia untuk memimpin Bangsa Israel. Sebelum Yosua dapat menyediakan tenteranya, dia perlu menyediakan dirinya. Tuhan menjanjikan Yosua kemenangan dan kemakmuran di Tanah Perjanjian jika Bangsa Israel akan sentiasa mematuhi Firman Tuhan.




2

Orang Israel berjanji untuk mengikut Yosua dan sentiasa mentaati Firman Tuhan. Dengan bijak,

pemimpin baru itu menghantar pengintip ke Kanaan untuk mengkaji pertahanan kota besar Yerikho. Pertempuran pertama Israel akan terjadi di sana.



3



Seseorang telah memberitahu Raja Yerikho ada pengintip di dalam bandarnya. Dia menghantar tenteranya untuk mencari mereka. Pencarian bermula di rumah Rahab, di mana pengintip itu tinggal. Askar itu mengetuk pintunya dengan kasar. Dengan segera, Rahab menyembunyikan orang-orang itu di bawah rami.


4

Saat tentera itu pergi, Rahab menggunakan tali merah untuk menurunkan lelaki itu dengan selamat di luar tembok kota. Mengapakah dia membantu pengintip itu? Kerana dia tahu Tuhan bersama mereka. Dia mahu Tuhan menyelamatkan nyawanya. Para pengintip itu berjanji untuk menyelamatkan Rahab dan keluarganya.




5

Sebelum sampai ke Yerikho, Bangsa Israel harus menyeberangi Sungai Yordan menuju ke Kanaan, Tanah Perjanjian. Tetapi tidak ada jambatan disana! Bagaimana mereka harus menyeberang?




6

Tuhan memberitahu Yosua bahawa para imam harus memimpin askar dan orang ramai, membawa tabut yang mengandungi Sepuluh Perintah. Apabila kaki imam menyentuh tepi sungai, Tuhan akan melakukan mukjizat. Tuhan membuat jalan kering melalui air.



7

Setelah semua orang menyeberang dengan selamat, mereka meletakkan dua belas batu besar di dasar sungai dan dua belas batu lagi di tebing sungai Kanaan. Ini adalah peringatan untuk membantu orang-orang mengajar anak-anak mereka tentang kuasa dan kasih Tuhan yang besar.




8



Kota Yerikho mempunyai dinding yang kuat dan tebal. Saat Yosua merancang menyerangnya, Tuhan menghantar Ketua tenteranya dari Syurga untuk mengingatkan pemimpin baru Israel bahawa Tuhan memenangkan pertempuran bagi umat-Nya.


9




Tuhan memberitahu Yosua bagaimana untuk menyerang Yerikho. Tapi ia merupakan rancangan yang sangat pelik. Umat Tuhan harus berarak mengelilingi kota itu sekali sehari selama enam hari, dan tujuh kali pada hari ketujuh. Kemudian mereka harus meniup trompet sangkakala dan berteriak, dan tembok kota akan runtuh rata!

10


Yosua dan tenteranya melakukan seperti yang diperintahkan Tuhan. Mungkin orang-orang di Yerikho mentertawakan mereka. Tetapi, pada perarakan ketujuh pada hari ketujuh imam meniup sangkakala. Dan seperti yang dijanjikan Allah.



DINDING BESAR YERIKHO RUNTUH!




11



Hanya rumah Rahab yang selamat. Dia menggantungkan tali benang kirmizi (tali berwarna merah) di tingkap rumahnya. Dengan cepat orang-orang Yosua menyelamatkan Rahab dan keluarganya. Kemudian Yerikho dihancurkan, atas perintah Tuhan.

12

Dengan sungguh-sungguh, Yosua mendedikasikan emas,



perak, dan harta Yerikho kepada pelayanan rumah Tuhan. Kemudian dia mengutuk sesiapa yang cuba membina semula kota yang jahat itu. Tidak lama kemudian semua orang di Kanaan mendengar bagaimana Yosua mengalahkan Yerikho. Mereka tahu bahawa Tuhan bersama umat-Nya.

13

Yosua Mengambil Tanggungjawab
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,
terdapat dalam
Yosua 1-6


"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

14



TAMAT

13



60

15

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

16